

23 JUL 2000

Norian-wawancara (Teks)

TEKS PENUH WAWANCARA KHAS DENGAN KETUA POLIS NEGARA,  
TAN SRI NORIAN MAI MENGENAI ISU SAUK

KUALA LUMPUR, 23 Julai (Bernama) -- Berikut adalah teks penuh wawancara Ketua Polis Negara, Tan Sri Norian Mai, bertajuk "Sauk: Keselamatan Negara" yang disiarkan oleh TV1, RTM hari ini.

Beliau diwawancara kira-kira 45 minit oleh wartawan RTM Hasshim Abu Hanifah dan Pengarang Kumpulan New Straits Times Ahmad Talib.

Soalan : Sebagai Ketua Polis Negara yang menjaga keselamatan awam, adalah menjadi tanggungjawab kepada Tan Sri untuk menjaga keamanan negara ini, jadi dalam isu Gerik, Tan Sri merangkap Ketua Operasi dan telah berjaya mematahkan kumpulan penjenayah ini, jadi soalannya ialah apabila berlakunya tragedi ini Tan Sri lah orang pertama yang mendapat maklumat. Apakah agaknya tindakan atau reaksi yang menggerakkan kepala tentera bagi menangani isu tersebut?

Jawapan: Apabila dimaklumkan mengenai kejadian ini pada pagi tersebut, tindakan pertama ialah memaklumkan kepada Menteri Dalam Negeri (Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi) kerana kes ini adalah luar biasa seterusnya mengarahkan Ketua Polis di barat dan pegawai-pegawai di barat supaya ke tempat kejadian bagi mengesahkan atau mengetahui kedudukan yang sebenar sebelum merancang tindakan-tindakan selanjutnya.

Selepas itu, saya bergegas ke sana untuk mengetahui dan mengikuti perkembangan selanjutnya.

Soalan: Oleh kerana kem di Batu 4 ini apabila dilaporkan bahawa sebanyak 116 senjata api telah pun dilarikan dan kebetulan kem ini terletak berhampiran kawasan sempadan, apakah polis telah serta merta memblok kawasan ini supaya mungkin penjenayah ini pada mulanya merancang untuk melarikan senjata ini.

Jawapan: Tindakan sekatan jalan raya, iaitu tindakan yang telah diambil, dilaksanakan oleh Ketua Polis daerah Kuala Kangsar dengan harapan untuk menyekat sebarang pergerakan senjata api ini keluar jauh dari kawasan Grik.

Soalan: Selepas Tan Sri memaklumkan perkara ini kepada Menteri Dalam Negeri, apakah arahan yang diberi oleh menteri kerana peristiwa ini satu peristiwa yang besar dan mungkin ada arahan-arahan tertentu yang diberi untuk menangani perkara ini.

Jawapan: Arahan yang dikeluarkan oleh Menteri Dalam Negeri lebih menurus kepada kebimbangan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, bahawa ini adalah kes yang mempunyai implikasi yang luas dan berpanjangan kepada keselamatan negara dan beliau mengarahkan segala tindakan perlu diambil bagi mendapatkan semula senjata tersebut dan mengambil tindakan kepada mereka yang bertanggungjawab.

Soalan: Selain Menteri Dalam Negeri, Tan Sri juga begitu rapat dengan Perdana Menteri, jadi apakah reaksi atau arahan-arahan keselamatan yang mungkin diminta dilaksanakan oleh Perdana Menteri sendiri dalam kes ini.

Jawapan: Saya telah menemui Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada malam itu bagi menjelaskan pandangan-pandangan kita tentang bagaimana kejadian ini boleh berlaku, siapa yang mungkin melakukan dan apa matlamat mereka dan sebagainya. Pada peringkat itu, itu hanya pandangan-pandangan oleh sebab mereka belum mempunyai maklumat yang kukuh tentang siapa yang bertanggungjawab. Perdana Menteri sendiri telah menyampaikan kebimbangan beliau bahawa peristiwa ini merupakan permulaan

bagi sesuatu yang lebih besar.

Jadi dengan penjelasan dan pandangan oleh beliau saya sangat pasti bahawa beliau begitu bimbang dengan peristiwa yang berlaku.

Soalan: Tan Sri dalam menangani isu ini yang akhirnya berjaya diselesaikan dengan baik, tiada pertumpahan darah yang menjadikan isu, jadi saya lihat kerjasama pihak polis dan tentera, mungkin Tan Sri boleh jelaskan bagaimana kerjasama ini dilaksanakan.

Jawapan: Sebenarnya, ini satu operasi yang melibatkan banyak pihak, ia bukan sahaja tentera malah jabatan-jabatan lain turut terlibat seperti Jabatan Penerangan, pegawai-pegawai tempatan, penghulu, wakil rakyat yang semuanya memberi sumbangan dan bantuan kepada pelaksanaan operasi ini.

Operasi ini adalah operasi polis, ini diperuntukkan oleh undang-undang, tetapi undang-undang juga di bawah Kanun Acara Jenayah membenarkan pihak polis untuk meminta bantuan mana-mana pihak yang dianggap boleh membantu dalam menyelesaikan atau mengambil tindakan ke atas kes seperti ini.

Berdasarkan peruntukan undang-undang tersebut, kita telah menjemput pihak tentera dan jabatan-jabatan lain untuk memberi bantuan yang sama juga penting seperti Jabatan Penerangan untuk membuat rayuan kepada penjenayah yang berada di dalam khemah mereka. Jadi peranan-peranan ini dilaksanakan setelah kita mengadakan perbincangan yang menyentuh semua pihak.

Peranan pihak tentera pada peringkat itu, maklumat itu, adalah terbatas yang saya tahu hanya sebahagian daripada senjata api yang dirampas adalah senjata berat dan pada peringkat itu, kita juga tidak pasti berapa ramai penjenayah yang terdiri dari anggota tentera yang terlatih.

Dalam keadaan yang sedemikian, pihak yang paling sesuai untuk mengepung kumpulan ini adalah tentera kerana mereka mempunyai kemahiran dalam senjata api dan berat berbanding dengan pihak polis jadi kita jemput pihak tentera unruk membuat kepungan kumpulan ini.

Apabila kita telah mempunyai maklumat kukuh bahawa mereka sebenarnya berada di Bukit Jenalek.

Soalan: Jadi Tan Sri, mungkin kepada orang awam meminta penjelasan tentang ada kesamaran, peristiwa ini berlaku di kem tentera tetapi kenapa pula polis masuk ke kem tentera.

Jawapan: Pada pandangan pihak polis kejadian ini adalah kejadian jenayah sama ada ia berlaku di luar atau di dalam kem. Jadi kes darah mestilah ditangani mengikut undang-undang yang diperuntukkan dalam menangani kes-kes jenayah, kerana itu siasatan dibuat di kem tentera seperti biasa dan kes yang semacam ini bukanlah perkara yang luar biasa.

Siasatan lanjut itu adalah gabungan kepada siasatan yang kita buat, kemudian apabila kita kesan penyerang berada di luar di tempat yang tertentu kita akan meneruskan selepas tanggapan yang diperlukan.

Soalan: Tan Sri ada menyebutkan kes jenayah yang membabitkan polis, saya ingin tanya bagaimana pula peranan cawangan khas, kerana kita mengetahui yang cawangan polis ini adalah yang terbaik di mana-mana pun, jadi saya ingin tahu tidakkah cawangan khas ini sudah dapat menjejaki langkah-langkah atau tindakan yang mungkin dilakukan oleh penjenayah sebelum ia berlaku kerana kes ini adalah satu kes besar ada saya khuatir jika tidak dapat menanganinya dengan cukup berkesan, ia akan berulang.

Jawapan: Kita patut meneliti apa yang ada berhubung dengan kejadian ini pertama berhubung pertubuhan Al-Ma'unah ini adalah satu yang sah yang didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan dan kedua matlamat asal mereka tidak bercanggah dengan undang-undang negara, perjalanan di peringkat awal pertubuhan ini tidak boleh dianggap melanggar mana-mana undang-undang negara.

Dalam amalan biasa, poli cawangan khas tidak mengikuti perkembangan

semua pertubuhan yang didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan, jikalau bilangannya amat besar, lebih dari 20,000 yang didaftar, kepentingan polis ini timbul apabila sesuatu pertubuhan itu menjalankan aktiviti yang mempunyai kesan ke atas keselamatan negara.

Jika sekiranya hanya melibatkan kegiatan biasa atau pun kegiatan yang berkaitan dengan akidah itu, kita tidak campur tangan oleh sebab soal agama, tetapi apabila timbul tanda tanya ia sudah ada wujud ciri-ciri yang mengancam keselamatan negara, pihak polis akan meneliti dan kalau perlu mengambil tindakan yang sewajarnya.

Dalam insiden di Gerik, apabila mengetahui mana lokasi kedudukan penjenayah ini, tib-tiba dalam beberapa jam saja kumpulan ini dikenal pasti sebagai Al-Ma'unah, begitu cepat polis mengetahui dan menjadi kebanggaan kepada rakyat, soalnya kenapa pada masa sebelum insiden ini berlaku, mungkin daripada penduduk kampung melihat kegiatan yang luar biasa dan laporan ini sampai kepada pihak polis.

Pertubuhan Al-Ma'unah mula lari dari matlamat yang sah di awal tahun 2000 dan semangat atau cita-cita untuk melancarkan kegiatan militan ini hanya wujud mulai bulan Mac tahun ini dan kegiatan ini lebih tertumpu di ibu pejabatnya di Kelang.

Di Sauk ini, mereka pergi hanya sekali atau dua kali untuk mengadakan kempen untuk mengadakan perkhemahan dan perkhemahan ini tidak melanggar apa-apa peraturan.

Kejadian polis mengesan begitu cepat adalah sumbangan atau kerana masyarakat tempatan melihat dan menghubungi pihak polis dan polis menghantar anggota untuk mengesahkan dan antara anggota tersebut termasuklah yang dua orang yang ditawan dan akhirnya satu yang dibunuh, jadi dengan maklumat awal dari anggota masyarakat kita mengesahkan dan siasatan di peringkat awal, kita dapat mengenal pasti kumpulan yang bertanggungjawab, dari situ kita memperluaskan siasatan untuk mengesan di mana pertubuhan, ahli dan sebagainya.

Soalan: Jadi Tan Sri mungkin pertubuhan Al-Ma'unah ini dan apa yang berlaku tempoh hari ia sudah memberi lesen kepada pihak polis cawangan khas khususnya untuk memasuki atau cuba mendapatkan maklumat walaupun dalam bidang yang berkaitan dengan keagamaan, apakah ini membolehkan cawangan khas polis bekerjasama menyelaraskan apa juga tindakan siasatan lebih awal dengan dengan jabatan-jabatan lain.

Jawapan: Jika kita mempunyai maklumat yang mencurigakan sama ada dari aspek keselamatan atau agama kita akan mengambil tindakan selanjutnya, kalau dari aspek agama kita akan merujuk kepada pihak JAKIM jika di Kuala Lumpur untuk meneliti dan kalau semata-mata bersifat keselamatan kita akan tangani dalam pelbagai cara, kita tidak terus mengambil tindakan, tetapi perlukan penelitian, keterangan atau bukti yang menunjukkan pertubuhan itu telah melakukan perkara yang melanggar undang-undang negara.

Soalan: Pada awal tadi, Tan Sri ada menyebut tentang kumpulan ini bergerak cergas pada awal tahun ini, apakah sebenarnya motif kumpulan ini sehingga ini menyorok dan berkurung di Sauk ini.

Jawapan: Bapa perjuangan pergerakan Al-Ma'unah ini di peringkat ketua ialah mewujudkan satu perjuangan Mujahiddin di Malaysia malah sendiri memanggil dirinya sebagai ketua kumpulan Mujahiddin Malaysia yang kononnya ingin menentang semua kemungkaran dalam negeri dan juga di luar negeri, jadi walaupun di peringkat awal tarikan ahli-ahli menganggotai kumpulan ini adalah untuk mempelajari ilmu kebomohan, batin atau seni mempertahankan diri dengan menggunakan ilmu batin tetapi apabila telah lama menganggotai pemimpin akan memilih mana di antara penuntut ini yang sesuai untuk menjadi elit group dan ini dikira semangat untuk mati shayid dan menentang segala bentuk kezaliman dan penyaltauan ke atas masyarakat Islam dengan perjuangan

bersifat militan.

Jadi perkembangan dalam pertubuhan itu berperingkat-berperingkat, bukan terus menjadi ahli terus sudah mengamalkan sifat untuk mati syahid atau berjihad di peringkat awal kelihatan begitu baik dan beransur-ansur ditiupkan semangat jihad.

Soalan: Jadi apakah mereka ini juga terpengaruh dengan kumpulan militan, jikalau pun tidak ada di dalam negara kita mungkin kumpulan militan di luar negara misalnya.

Jawapan: Dia terpengaruh dari pemerhatian kita setakat ini melalui pembacaan. Ucapan yang disampaikan di masjid-masjid, kaset yang menyentuh tentang jihad dan mati syahid yang dijual, melalui proses ini secara beransur-ansur ditanamkan semangat militan kepada pengikut yang berminat sahaja, ada juga yang tidak berminat.

Soalan : Apabila Tan Sri menyebut tentang ucapan di masjid dan sebagainya, saya dapati seolah-olah Al-Ma'unah ini menjadi pergerakan yang bukan seratus peratus pergerakan politik atau agama tetapi seolah-olah ia boleh membantu satu pergerakan politik untuk menegakkan agama Islam walaupun perjuangan itu seharusnya demokrasi, tetapi Al-M'aunah mungkin ingin membuat hasrat yang sama tetapi menggunakan pendekatan yang lebih militan, betul atau tidak Tan Sri?

Jawapan: Betul dari segi bahawa perjuangan atau gerakan Al-Ma'unah ini telah meniupkan semangat syahid dan jihad di kalangan sebilangan ahli mereka yang aktif di dalam pertubuhan itu, sama ada ini mempunyai kaitan dengan luar negara atau tidak setakat ini tidak jelas yang kita tahu secara terus tidak ada mempunyai hubungan dengan pertubuhan negara luar mereka hanya melihat misalnya peristiwa di Cheney, Kosovo, Selatan Filipina, mungkin peristiwa di Aceh, ini adalah tanda-tanda bahawa naskah Islam telah dipinda dan kerana itu mereka menganggap bahawa mereka mempunyai tanggung jawab untuk mengatasi masalah ini bukan sahaja di luar negeri malah di dalam negeri.

Soalan: Berbalik kepada soalan ada unsur-unsur macam khutbah Jumaat atau sebagainya menjadi unsur kepada membantu kumpulan ini untuk menentang kerajaan atau apakah idealisme mereka ini memang menjurus ke arah melakukan tindakan nekad untuk menentang kerajaan atau sebagainya?.

Jawapan: Kumpulan pada peringkat atasan memang mempunyai perancangan untuk memulakan penentangan militan dalam negeri dengan harapan mereka ini menjadi penggerak pertama kepada kumpulan-kumpulan lain untuk membantu dan berusaha menggulingkan kerajaan.

Soalan: Peristiwa ini memang menimbulkan pelbagai polimik kepada masyarakat dan dikatakan peristiwa ini memang menggugat kepada keselamatan negara, jadi perlu Tan Sri menjelaskan, Sauk satu tragedi mungkin dilihat kepada peristiwa yang menyeluruh, tetapi hari ini ada juga yang menyatakan Sauk itu bukan tragedi, sebenarnya mengikut setengah pendapat Sauk itu adalah satu sandiwara, jadi bolehkah Tan Sri jelaskan setakat mana pihak-pihak tertentu boleh membuat kesimpulan Sauk adalah sandiwara.

Jawapan: Reaksi saya apabila dikatakan ini satu sandiwara, saya anggap ini satu kenyataan yang tidak berhemat dan penuh prasangka sebab sebagai salah seorang yang terlibat daripada hari pertama hingga ke akhir, memang saya tahu ini bukan sandiwara kerana melibatkan kematian, melibatkan begitu ramai orang, bagaimana boleh dikatakan satu sandiwara.

Saya fikir ada pihak yang menyatakan sandiwara kerana hendak membuat atau ada andaian-andaian yang dipegang salah satu kalau ini dilakukan oleh penjenayah mereka ini kelihatan semuanya berjanggut, bermisai dan ini bukan pihak tentera manakala pihak tentera mengatakan rakan mereka didatangi oleh orang-orang yang mengaku diri mereka tentera.

Siasatan kita menunjukkan bahawa sebelum daripada mereka ini pergi ke kem-kem di Sauk sebahagian daripada mereka memang diarah bercukur dan berambut panjang digunting, mereka ini pergi dengan sebahagian yang berjanggut tetapi yang berjanggut ini didapati tinggal di dalam kenderaan yang keluar itu memang bersih dan boleh dipandang sebagai seorang anggota tentera dan ada yang mengatakan bagaimana senjata dan orang seramai 20 orang lebih senjata sekian banyak, peluru sekian banyak, boleh dibawa dengan tiga kenderaan fakta yang kita semak, memang tiga kenderaan ini boleh membawa 20 orang ini tidak menjadi masalah dan senjata api yang dirompak itu sebenarnya tidaklah sampai beribu, bilangan senjata api termasuk M16, steyr, MPMG, senjata-senjata yang lain dalam bilangan seratus tidak sampai pun 120 pucuk dan peluru yang dirampas lebih kurang dalam 7,000 ribu dan tidak menjadi masalah untuk dibawa dengan tiga kenderaan.

Kemudian ada hujah yang mengatakan kononnya di dalam kes ini mereka ini berkubu di Bukit Jenalek, terlalu dekat dengan kem, kalau mereka ini betul-betul ingin melancarkan kenapa memilih tempat yang dekat dengan kem tentera, ini sebenarnya berkait dengan pegangan kumpulan ini yang menganggap bahawa kawasan itu ini kepercayaan mereka telah diberi perlindungan dan mereka menganggap ini sebagai "liberated area", kawasan yang bebas dari kawalan mana-mana pihak, kerana mereka yakin kononnya mereka mempunyai ilmu yang boleh mengunci tempat itu, jadi pilihan tempat tidak jadi masalah, di mana pun mereka boleh memilih.

Soalan: Kerana fakta-fakta ini kalau dijelaskan satu persatu menunjukkan tanggapan bahawa ini adalah satu sandiwara adalah tidak tepat sama sekali, bagaimana pula kalau betul sandiwara, takkan polis sanggup menghantar anggotanya ke dalam kumpulan ini sehingga detektif ini dibunuh, tentera juga dibunuh. Kenapa tuduhan ini boleh dibuat begini, adakah ia sengaja untuk mengalirkan isu ini kepada isu yang lain untuk menutup satu isu yang lain, bagaimana?

Jawapan: Susah bagi saya membuat ulasan ini, pada tanggapan saya, tanggapan atau tuduhan baru sandiwara mempunyai matlamat dan kepentingan yang tersendiri.

Soalan: Tan Sri kalau mana-mana pihak membuat tuduhan yang ini adalah satu sandiwara, ia adalah tuduhan yang berat dan sudah pasti tujuannya mungkin menggugat kredibiliti pihak berkuasa, jadi apa tindakan jabatan polis untuk menangani perkara ini, kerana ini satu tuduhan yang berat, ia mungkin memerlukan satu penelitian yang betul-betul untuk ditangani.

Jawapan: Kita telah menerima satu atau dua laporan polis mengenai perkara ini dan catatan sedang dilaksanakan.

Soalan: Berapa lama agaknya Tan Sri, siasatan ini akan berlanjutan dan selepas ia selesai apakah ia akan diserahkan kepada inquiry yang telah dilantik untuk menyiasat kes ini?.

Jawapan: Siasatan kita akan dikemaskan dan kalau ia mempunyai cukup keterangan, kita akan mendapat nasihat daripada pihak pendakwaraya apakah tindakan yang selanjutnya.

Soalan: Saya ingin menyentuh mengenai soal isu ini yang dikatakan sandiwara. Macamana polis melihat isu ini, sedangkan polis telah bertungkus lumus untuk menyelesaikan masalah ini dan rakyat kembali berasa tenang dan hidup dalam aman dan sejahtera kembali dan kita tidak perlu takut lagi bahawa isu ini akan berulang, misalnya.

Pada pandangan Tan Sri apakah isu ini apabila dipolitikkan dan dikaitkan dengan kelalaian pihak tentera menyebabkan maruah pihak keselamatan negara ini dipersoalkan?.

Jawapan: Saya menganggap dakwaan itu satu yang mengecewakan saya dan saya percaya juga anggota-anggota saya kecewa dengan dakwaan tersebut. Pada

masa ini, kami bertungkus-lumus untuk mengembalikan ketenangan dan menyakinkan balik dan menyelesaikan kes ini secepat mungkin yang boleh. Jadi, kalau sumbangan ini tidak dihargai atau dipersendakan, itulah erti kekecewaan. Tetapi sebagai pasukan yang berdisiplin, kita menerima ini dan memberi pandangan kita melalui saluran-saluran tertentu.

Soalan: Apakah ini juga pandangan yang dikemukakan kita tidak boleh berkata tapi kalau inilah balasan kepada tentera, ia merupakan unsur-unsur fitnah kepada anggota keselamatan negara yang menjaga keselamatan negara tetapi dipersendakan sekarang ini.

Jawapan: Ini adalah isu yang tidak keseimbangan, jadi saya tidak mahu menjawab perkara ini, kita terpaksa melihat apakah ucapan itu dengan melihat perkara secara teliti dan detail dan akan memberikan ulasan-ulasan kita kepada pihak yang akan mengkaji siasatan kita.

Soalan: Dalam hal Sauk, ini kerjasama antara polis dan angkatan tentera untuk mendalaminya. Saya pasti pihak tentera ada pelajaran-pelajaran tertentu yang diperolehi mungkin ini boleh membantu pihak berkuasa angkatan polis dan tentera untuk melakukan sesuatu bagi mengelakkan perkara akan berlaku di masa akan datang, apakah perkara penting yang dipelajari dalam isu ini?.

Jawapan: Saya fikir peristiwa Sauk ini telah menuntut kita supaya sentiasa bersiap sedia, sentiasa menganggap segala kemungkinan keselamatan boleh berlaku ke atas polis atau pasukan tentera walaupun kita terdapat sedikit kelemahan di kem kawalan di Sauk tetapi kita mesti sedar bahawa peristiwa ini adalah satu yang luar biasa, pertama kali berlaku dalam sejarah negara kita. Saya percaya selepas daripada peristiwa ini pihak tentera dan pihak saya sendiri mengambil langkah-langkah yang wajar bagaimana kita boleh menjamin supaya senjata api kita tidak dirampas dan institusi-institusi kita tidak dicerobohi. Ini bukan satu tugas yang mudah kerana kita mempunyai banyak balai polis di serata negara, ada anggota kita bertugas di bawah yang mereka hadapi bukanlah kecil cuma semua peringkat anggota peringkat bawahan sehingga pegawai harus menyedari bahawa kita perlu berhati-hati dalam menjaga peralatan terutama senjata api.

Soalan : Satu hari selepas peristiwa itu berlaku kita dapat tahu seperti dalam laporan akhbar beberapa hari yang lepas bahawa sekumpulan ahli Al-Ma'unah telah bolos umpamanya sekatan-sekatan jalan raya dan membawa senjata sampai ke Kuala Lumpur dan menembak beberapa tempat yang mungkin menjadi sasaran mereka. Apakah ini menunjukkan pertubuhan Al-Ma'unah ini sanggup pergi atau melakukan apa saja untuk menyampaikan cita-cita mereka.

Jawapan: Apa yang berlaku selepas sahaja mereka merompak dua kem ini, ketua mereka telah mengarahkan satu kumpulan untuk datang ke Kuala Lumpur dan memulakan huru hara. Pada peringkat itu kita belum dapat tahu dan belum lagi mengadakan sekatan jalan raya pada subuh 2 Julai itu sebahagian daripada Bukit Jenalek ke Kuala Lumpur. Apa yang sebenarnya diarahkan kepada kumpulan ini ialah untuk menembak beberapa sasaran dengan harapan ingin memulakan huru-hara di negara kita. Apabila huru-hara dimulakan satu bahagian dari kumpulan ini akan membuat pengumuman melalui web komputer, Internet untuk menyebarkan bahawa perang syahid dimulakan dan mereka menjangka mereka yang menentang kerajaan akan bersama-sama memulakan huru-hara di negara ini.

Peristiwa untuk menembak tiga sasaran ini ialah bagi mencetuskan peristiwa yang pertama dan kemudian diikuti seruan-seruan di laman web ini dan pihak lain akan bersama-sama dan akan mulalah huru-hara besar-besaran.

Soalan: Jadi maknanya perancangan ini agak profesional adakah bermakna kumpulan Al-Ma'unah ini mempunyai sokongan di luar bukan setakat di Sauk tetapi di seluruh negara, apakah ini akan mengancam keselamatan negara

ketika itu.

Jawapan: Sebenarnya dalam bentuk memperjuangkan matlamat yang sama, saya tidak ada bukti pada peringkat ini yang menyatakan mereka ini mempunyai hubungan dengan pertubuhan ini dengan kumpulan-kumpulan lain dalam negara kita, mereka sedar selama ini bahawa ramai yang bercakap mengenai mati syahid, perjuangan menentang kerajaan dan sebagainya, jihad, mereka menganggap kumpulan ini akan membantu kalau peristiwa huru hara ini dimulakan Al-Ma'unah tetapi apa yang berlaku sebagaimana kita sedia maklum itu tidak berlaku di negara kita.

Soalan: Jadi Tan Sri rakyat tentunya berbangga dengan pasukan keselamatan khasnya polis dan pada masa yang serentak apabila diketahui sahaja beberapa laras senjata yang penting hilang dan dalam sekelip mata sahaja mereka yang ditangkap, ini satu kejayaan polis yang boleh dibanggakan, jadi bagaimana Tan Sri jika peristiwa seperti ini terjadi kembali, jika ada kumpulan yang bersimpati dengan mereka masih bergerak?.

Jawapan: Kita telah mengesan bahawa kumpulan ini mempunyai anggota sebanyak lebih 1,700 orang. Kita membuat penilaian berdasarkan kepada kategori pemimpin, kategori yang mempunyai sokongan penuh dan juga anggota biasa mereka ini sekarang ini telah ditemu tanya untuk menentukan apakah mereka masih boleh dianggap sebagai mengancam atau bertanggungjawab kerana ada untuk berlaku adil kepada Al-Ma'unah ada anggota-anggota yang tidak tahu langsung perkembangan di peringkat atasan, jadi kita telah meneliti perkara ini secara berperingkat dan saya yakin bahawa kita akan dapat menangani kumpulan ini secara efektif dalam masa yang singkat.

Soalan: Dalam akhbar hari ini dilaporkan bahawa satu letupan bom di Klang tidak diketahui dari mana puncanya, apakah ianya bersangkutan paut dengan Al-Ma'unah?.

Jawapan: Kemungkinannya tidak ada, ini saya tidak pasti tetapi kita masih lagi menunggu laporan, masih lagi menyoal saksi yang nampak dan kerana itu tidak dapat membuat kesimpulan samada berkaitan dengan Al-Ma'unah atau tidak.

Soalan: Tan Sri mungkin dalam keadaan hari ini mungkin ada nasihat tertentu kepada orang ramai kerana jika mendengar khabar-khabar angin mungkin banyak perkara lagi mungkin berlaku, jadi apa nasihat tertentu untuk orang ramai?.

Jawapan: Nasihat yang utama dalam kes-kes yang semacam ini kepada orang awam ialah jangan mendengar khabar angin, jangan lekas tertarik dengan berita-berita yang buruk dan mesti menaruh keyakinan kepada pasukan keselamatan, ini penting apabila masyarakat mempunyai keyakinan kepada pasukan keselamatan sebagaimana yang ditunjukkan di Sauk, mereka akan segera memaklumkan keadaan yang mencurigakan di tempat mereka kepada polis. Ini sangat penting memberi maklumat, memberi pertolongan pihak polis dalam melaksanakan sesuatu tindakan ini terbukti begitu berkesan dalam peristiwa di Sauk. Saya mendapat sokongan penuh semua pihak dalam kes di Sauk, jadi dengan mudah kita boleh mempengaruhi penjenayah dengan bantuan yang diterima.

Soalan: Ternyata dalam menangani isu Sauk yang sudah pun selesai tetapi masih menunggu siasatan oleh polis. Ternyata dalam isu ketua pasukan keselamatan tentera dan polis telah bersama memainkan peranan dalam mengatasi jenayah ini, jadi ada pihak yang bertanya dan kita telah mendengar wawancara dengan Lt. Jeneral Datuk Seri Zaini Mohd Said baru baru ini mengatakan beliau juga memuji polis oleh kerana polis telah membantu dalam peristiwa ini. Pada insiden ini Datuk Seri Zaini hampir terkorban, di manakah agaknya polis ketika itu?.

Jawapan: Sebenarnya pada hari tersebut, pihak kita atau saya sendiri

sebagai pengarah telah membuat keputusan bahawa kes ini sudah cukup matang dan mesti diselesaikan pada hari tersebut, oleh sebab itu pada pukul 12 tengah hari saya sudah ada di sekolah Jenalek dan di situ Datuk Seri Najib Tun Razak ada, Datuk Seri Zaini ada dan beberapa pegawai kanan lain termasuk polis, bridged komander dan sebagainya. Strategi kita pada fikiran saya sudah meninggalkan kesan yang positif, mereka sudah lemah dari segi fizikal. Ini kerana menyekat mereka dari tidur, kita tahu mereka ada makanan, ada air tetapi manusia tidak boleh kalau tidak tidur.

Semalaman sebelum itu mereka telah diganggu tidur sehingga ke siang, kemudian kita telah mengaturkan rayuan daripada ibu dan anak pemimpin (Al-Ma'unah) dan kita membuat persediaan membuat lebih banyak isteri untuk merayu, kemudian kita laksanakan perkara yang agak kecil, misalnya memainkan lagu, ini tujuan saya supaya memecahkan konsentrasi pemikiran ahli-ahlinya kepada pemimpin yang ada di dalam itu.

Dalam kes yang semacam ini peranan yang dimainkan oleh pemimpin itu sangat besar, ia mengawal semua pemikiran ahli-ahli yang berada di sekitar dia dan kita boleh mengatasinya. Sehingga 12 tengah hari dan 12.30 tengah hari, kita sudah yakin bahawa masa sahaja yang akan menentukan bila mereka ini akan menyerah tetapi pada masa yang sama saya telah menetapkan pada waktu yang tertentu kita terpaksa memberi, maknanya tidak menyerah pada waktu ini kita akan mengambil tindakan yang lebih dan ini supaya mereka boleh memikir dan rayuan daripada pegawai-pegawai saya, pegawai tentera, daripada isteri-isteri diteruskan.

Sebenarnya kita menghantar lima pegawai saya yang terus bercakap mengenai soal keselamatan, agama dan perjuangan mereka yang mengarut dan ini menyebabkan mereka tidak boleh duduk tenteram. Dua jam sebelum peristiwa itu ditamatkan pegawai saya sudah masuk ke dalam dan sudah mengadakan perbincangan dengan Amin (Mohamad Amin Mohd Razali) dan kumpulan ini.

Ini kita masuk yang diketuai oleh seorang dan mereka ini saya anggap telah berjaya memujuk Amin supaya meletakkan senjata dan menyerah diri kalau tidak, padahnya akan lebih teruk.

Jadi apabila sampai waktu kemasukan Datuk Zaini dengan anggota-anggota itu adalah peringkat akhir dan polis diwakili oleh Komander Bridged Utara PGA, SAC II Abdul Hadi Mahmud, tetapi daripada segi mereka di dalam sudah cedera, itulah sebabnya sudah turun lima orang, enam orang sehinggalah kumpulan yang terakhir.

Pemergian Datuk Zaini sendiri adalah dengan kebenaran saya. Ini kerana ia boleh menolong mempercepatkan atas permintaan pemimpin dia mahu berjumpa dengan Datuk Zaini dan Datuk Zaini sendiri sedia untuk mempercepatkan penyelesaian. Jadi maknanya berakhirilah kumpulan penjenayah itu.

-- BERNAMA

SSA FAZ